

## SIARAN AKHBAR

## UNTUK SIARAN SEGERA

### KEMERIAHAN MUSIM PERAYAAN MASIH TERASA

~ANIH Berhad Jangka Hampir 220 Ribu Pengguna Lebuhraya Ambil Peluang Cuti Wesak ~

**KUANTAN, 13 MEI 2022-** ANIH Berhad, pengendali Lebuhraya Kuala Lumpur – Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT1) ingin mengingatkan para pengguna lebuhraya kendaliannya untuk sentiasa berhati-hati di jalan raya dalam kemeriahannya mereka meraikan cuti umum Hari Wesak yang akan disambut Isnin depan.

Menurut Puan Radzimah Mohd Radzi, Pengurus Besar Kanan, Ketua ANIH Berhad, kemeriahan sambutan musim perayaan masih terasa di lebuhraya kendalian syarikat tersebut berdasarkan keadaan lalulintas di kedua-dua Lebuhraya KLK dan LPT1.

“Kami menjangkakan bagi tempoh 13 Mei sehingga 16 Mei depan sejumlah 160 ribu kenderaan akan menggunakan Lebuhraya KLK manakala sejumlah 60 ribu kenderaan akan menggunakan Lebuhraya LPT1 bagi tempoh yang sama. Kebanyakkan pengguna kini dilihat mengambil peluang cuti hujung minggu yang panjang, berikutan cuti umum Hari Wesak. Oleh itu, pihak ANIH Berhad ingin mengingatkan para pengguna untuk tetap memandu dengan berhemah, cermat dan bersabar demi keselesaan dan keselamatan semua”, kata beliau lagi.

Selain itu, para pengguna yang bakal memulakan perjalanan pada hari Sabtu juga diingatkan untuk masuk ke lebuhraya sebelum jam 9 pagi bagi memastikan perjalanan yang lebih selesa. Ini disebabkan keadaan trafik di Lebuhraya KLK sentiasa menunjukkan peningkatan setiap hujung minggu sejak negara beralih ke fasa endemik.

Para pengguna juga dinasihatkan untuk memastikan baki e-wallet, Touch n'Go dan SmartTag mereka mencukupi dan tetap mengikuti SOP yang telah digariskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, terutamanya apabila mengunjungi rumah-rumah terbuka sepanjang musim perayaan ini.

Dalam pada itu, pihak ANIH Berhad juga ingin meyakinkan semua pengguna bahawa pihak syarikat sentiasa dalam keadaan bersedia untuk memastikan kelancaran dan keselesaan semua sepanjang musim perayaan ini.

Untuk maklumat lebih lanjut, tepat dan terkini, sila rujuk laman sosial rasmi Lembaga Lebuhraya Malaysia/ANIH Berhad di Twitter @LLMTrafik @LPTTrafik dan Facebook @Lembaga Lebuhraya Malaysia @Lebuhraya Pantai Timur atau hubungi *hotline* LLM di 1800-88-7752 dan LPT - Line di 1-700-818-700.

-TAMAT-

**Tentang ANIH Berhad**

ANIH Berhad adalah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang merangkumi komponen Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1), sepanjang 250 kilometer (KM). Bermula dari Gombak di KM 19.2 Lembah Klang hingga ke Jabor di KM 250 Terengganu, LPT menyingkatkan masa perjalanan, dari Lembah Klang ke bandar-bandar utama di sebelah Pantai Timur, terutamanya Kuantan. Operasi tol dan penyenggaraan rangkaian-rangkaian lebuh raya ANIH Berhad diurus oleh Kumpulan MTD.

**Siaran Akhbar dikeluarkan bagi pihak ANIH Berhad oleh:**  
**Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan**  
**Kumpulan MTD**

Menara MTD, 1, Jalan Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel : 03-6195 1111    Fax : 03-6187 5055    Website : [www.mtdgroup.com.my](http://www.mtdgroup.com.my), [www.anihberhad.com](http://www.anihberhad.com)